

# GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI

## Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (Pindaan 2016)

### 1. Pengenalan

1.1 Latihan industri adalah merupakan komponen kurikulum dalam program pengajian yang memberikan pelajar peluang untuk mendapatkan pengalaman praktikal, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan mereka sebelum berdepan cabaran dunia kerjaya sebenar. Selain daripada itu, program latihan industri adalah direka untuk memperkasakan kompetensi dan kemahiran pelajar seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar.

### 2. Penyata Dasar (Policy Statement)

2.1. Latihan industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi (KUIS) iaitu peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda bagi memenuhi syarat penganugerahan sijil, diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing. Walau bagaimanapun, latihan industri ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut program-program pengajian di KUIS.

### 3. Definisi Latihan Industri

3.1. Latihan industri adalah merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal, latihan amali, atau latihan praktikum yang diselia dalam organisasi/industri luar KUIS yang dipilih dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum pelajar dianugerahkan diploma atau ijazah sarjana muda.

3.2. Latihan industri yang dimaksudkan adalah tidak termasuk latihan dalam kamar (chambering) serta latihan klinikal.

### 4. Objektif

Objektif latihan industri ialah untuk:

4.1 Memberi peluang serta pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan akademik dalam alam pekerjaan yang sebenar;

4.2 Memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk memperolehi

pengalaman bekerja di organisasi/industri berkaitan bidang masing-masing;

- 4.3 Memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar tentang amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing;
- 4.4 Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran (terutamanya kemahiran insaniah) serta memberikan pengalaman bekerja dalam organisasi;
- 4.5 Melatih pelajar menyediakan laporan-laporan berkaitan dengan latihan industri yang dijalankan;
- 4.6 Melahirkan graduan yang berkompeteren;
- 4.7 Mempertingkatkan peluang pekerjaan; dan
- 4.8 Merapatkan jalinan hubungan antara pihak KUIS dengan industri.

## 5. Objektif Khusus

Objektif Khusus latihan industri ialah memberi peluang kepada pelajar untuk:

- 5.1. Memahami tanggungjawab alam pekerjaan yang sebenar;
- 5.2. Menghayati nilai etika profesional;
- 5.3. Mengasah kemahiran insaniah yang sesuai dengan persekitaran pekerjaan;
- 5.4. Meningkatkan kemahiran generik dan profesional seperti kemahiran interpersonal, bekerja secara berkumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran keusahawanan;
- 5.5. Menilai peluang kerjaya, pengetahuan dan keyakinan diri pelajar;
- 5.6. Mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar supaya lebih berdaya saing;

## 6. Skop Latihan Industri

- 6.1. Setiap fakulti perlu merangka skop latihan industri berpandukan kepada kurikulum program akademik.
- 6.2. Skop tugas hendaklah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan masing-masing.

## 7. Tempoh Latihan Industri

7.1. Tempoh latihan industri adalah bergantung kepada program pengajian pelajar. Dicadangkan supaya tempoh terkumpul bagi latihan industri tidak kurang daripada tiga (3) bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi. Bagi pelajar antarabangsa, juga akan ditetapkan oleh mana-mana badan professional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi.

## 8. Syarat Mendaftar Latihan Industri

8.1. Pelajar dibenarkan mendaftar latihan industri setelah memenuhi syarat berikut:

- a. Berada di semester terakhir pengajian, DAN/ATAU
- b. Telah mengambil serta lulus semua subjek prasyarat yang ditentukan oleh fakulti, DAN/ATAU
- c. Syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh fakulti.

8.2. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar lain-lain subjek kecuali dengan kebenaran fakulti ketika menjalani latihan industri.

## 9. Penempatan Latihan Industri

9.1. Pelajar mesti menjalani program latihan industri di organisasi yang disahkan oleh fakulti dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian;

9.2. Pelajar perlu mendapatkan tempat latihan industri berdasarkan keperluan bidang pengajian masing-masing;

9.3. Pelajar DIMESTIKAN menjalani latihan industri di organisasi/industri di luar KUIS tetapi berada di bawah lingkungan 200km dari KUIS;

9.4. Keutamaan penempatan Latihan Industri KUIS adalah di dalam KUIS berdasarkan keperluan bidang pelajar masing-masing dan tertakluk kepada penempatan yang dapat disediakan oleh KUIS dari masa ke semasa.

9.5. PENGECUALIAN untuk menjalani latihan industri di organisasi/industri di luar KUIS yang melebihi jarak 200km dari KUIS hanya diberikan kepada;

- a. Pelajar yang menjalani latihan industri secara berkumpulan tertakluk kepada jumlah minimum 5 orang pelajar (tetapi tidak termasuk pelajar di bawah pengecualian di bawah subklausu (c) dan (d) di bawah), di dalam satu lokasi/kawasan yang berhampiran di dalam jarak 20km sahaja.

Dalam hal ini, seorang penyelia layak membuat tuntutan pembayaran kos perjalanan dan penginapan tertakluk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil.5/2008 bertarikh 1 April 2008 atau mana-mana pekeliling berkaitan berpinda yang berkaitan dan berkuatkuasa.

- b. Jika kumpulan pelajar kurang daripada 5 orang tetapi terhad kepada jumlah minima 2 orang (jika seorang pelajar sahaja tidak layak di bawah pengecualian ini), perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengurusan Fakulti dan lokasi/kawasan yang terlibat hendaklah berhampiran dalam jarak 20km sahaja.

Pelajar tersebut perlu membuat akujanji dengan fakulti untuk menanggung sendiri semua kos penyeliaan terlibat kecuali kos lodging, dan ianya perlu diselesaikan sebelum penilai melakukan lawatan.

KUIS akan menanggung kos lodging bagi penginapan Penyelia bagi tempoh 1 hari sahaja. KUIS tidak akan bertanggungjawab kepada ketidakakuran bayaran oleh pelajar.

- c. Semua pelajar Sarjana Muda Syariah Undang-Undang (daripada Akademi Islam) yang DIMESTIKAN menjalani latihan industri di negeri masing-masing disebabkan keperluan untuk mendapatkan Lesen Tauliah Peguam Syariah yang tertakluk kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.
- d. Semua pelajar Diploma Pendidikan secara separuh masa (daripada Fakulti Pendidikan) yang DIMESTIKAN menjalani latihan industri di sekolah asal masing-masing disebabkan status pelajar.
- e. Penyelia yang menyelia pelajar di bawah sub klausu (c) dan (d) di atas adalah layak untuk membuat tuntutan pembayaran kos perjalanan dan penginapan tertakluk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil.5/2008 bertarikh 1 April 2008 atau mana-mana pekeliling berkaitan berpinda yang berkaitan dan berkuatkuasa.

- 9.6. Semua pelajar TIDAK dibenarkan menukar tempat dan TIDAK dibenarkan menukar tarikh latihan industri melainkan setelah

mendapatkan kelulusan bertulis daripada fakulti DAN mendapatkan kelulusan bertulis daripada organisasi/industri.

- 9.7. Semua permohonan penangguhan hendaklah dibuat secara bertulis kepada KUIS melalui fakulti dengan menyatakan alasan yang kukuh dan munasabah.
  - 9.8. Sebarang permohonan penukaran organisasi/industri untuk menjalankan latihan industri DIMESTIKAN dibuat secara bertulis kepada fakulti dalam tempoh sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh pelajar melaporkan diri ke organisasi/industri. Permohonan perlu mendapat kebenaran bertulis dari fakulti.
  - 9.9. Bagi pelajar yang telah melaporkan diri ke organisasi/industri, semua permohonan penukaran organisasi/industri untuk menjalankan latihan industri DIMESTIKAN dibuat secara bertulis kepada fakulti dalam tempoh 14 hari dari tarikh pelajar melaporkan diri ke organisasi/industri. Permohonan perlu mendapat kebenaran bertulis dari fakulti serta kebenaran bertulis dari organisasi/industri.
  - 9.10. Sebarang permohonan penukaran organisasi/industri untuk menjalankan latihan industri hanya akan dipertimbangkan jika;
    - a. Pelajar memberikan alasan yang kukuh dan munasabah serta mendapat sokongan organisasi/industri.
    - b. pelajar telah mendapat organisasi/industri yang baru untuk menjalankan latihan industri untuk menggantikan organisasi/industri untuk menjalankan latihan industri yang ditukar. Pelajar perlu mengemukakan bukti penerimaan daripada organisasi/industri yang baru untuk menjalankan latihan industri semasa membuat permohonan bertulis kepada fakulti.
10. Imbuan
    - 10.1. Pihak organisasi/industri digalakkan memberi elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri dengan organisasi/industri mereka.
  11. Takaful Berkelompok
    - 11.1. Semua pelajar yang mengikuti latihan industri adalah dilindungi oleh Takaful Pelajar Berkelompok KUIS.
  12. Peranan Dan Tanggungjawab
    - 12.1. Penyelaras Fakulti bertanggungjawab untuk;

- a. Menyediakan jadual kerja pelaksanaan latihan industri di fakulti;
- b. Memastikan pelajar memenuhi segala syarat bagi menjalankan latihan industri;
- c. Memastikan pelajar menjalani latihan industri mengikut skop yang telah ditetapkan;
- d. Memantau kesesuaian organisasi/industri tempat latihan industri;
- e. Menyelaraskan perlantikan penyelia fakulti;
- f. Menyediakan borang/dokumen/surat yang berkaitan dengan penempatan latihan industri (contohnya, format resume, garis panduan pembelajaran (learning guidelines, borang maklumbalas organisasi, maklumat peribadi pelajar, borang laporan diri program latihan industri, surat pengesahan pelajar, borang penempatan pelajar, buku laporan kemajuan pelajar, laporan ringkas lawatan latihan industri);
- g. Mengumpul borang-borang penilaian dan laporan pelajar bagi tujuan pemarkahan;
- h. Menyedia dan mengemaskini senarai organisasi/industri yang berpotensi untuk penempatan latihan industri;
- i. Memberi taklimat kepada pelajar dan penyelia fakulti berkaitan latihan industri;
- j. Menyediakan laporan pelaksanaan latihan industri kepada jawatankuasa akademik fakulti setelah tamat latihan industri pada semester yang berkenaan;
- k. Menyediakan laporan maklumbalas pihak organisasi/industri dan pelajar.

#### 12.2. Penyelia Fakulti bertanggungjawab untuk;

- a. Memantau dan berhubung dengan pelajar seperti yang dijadualkan;
- b. Memastikan pelajar menjalani latihan industri dalam tempoh yang dipersetujui;
- c. Memberi khidmat nasihat kepada pelajar;

- d. Melawat pelajar sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh latihan industri;
- e. Memupuk hubungan baik antara KUIS dengan organisasi;
- f. Menilai prestasi pelajar di sepanjang program latihan industri;
- g. Membuat pengukuran berlandaskan hasil pembelajaran (learning outcome) bagi menilai pencapaian hasil yang ditetapkan oleh KUIS dan objektif latihan industri.

12.3. Penyelia Organisasi/Industri bertanggungjawab untuk;

- a. Menyediakan garis panduan pembelajaran (learning guidelines);
- b. Melantik penyelia untuk pelajar mengikut kelayakan;
- c. Menempatkan pelajar di jabatan/unit/seksyen yang sesuai;
- d. Memastikan skop tugas pelajar adalah lebih berfokuskan kepada bidang pengkhususan pelajar;
- e. Memberi panduan dan merangka serta menyelia tugas pelajar dan memberi maklum balas kepada pelajar;
- f. Memberi peluang kepada pelajar untuk menjalani persekitaran tempat kerja sebenar;
- g. Memantau dan menilai prestasi kerja pelajar di sepanjang latihan industri;
- h. Melaporkan kepada fakulti sekiranya timbul sebarang masalah dengan pelajar;
- i. Menyemak buku log pelajar;
- j. Membuat penilaian prestasi pelajar di organisasi/industri;
- k. Menghantar laporan penilaian pelajar kepada fakulti sebelum/pada tarikh yang ditetapkan.

12.4. Pelajar bertanggungjawab untuk;

Sebelum latihan industri:

- a. Mencari dan mendapatkan penempatan latihan industry di organisasi/industri yang sesuai dengan bidang pengajian;
- b. Mendaftar untuk subjek latihan industri;
- c. Menghadiri sebarang taklimat/seminar/bengkel yang dianjurkan oleh pihak yang bertanggungjawab;
- d. Mengesahkan penerimaan tawaran penempatan latihan industri di organisasi/industri dalam tempoh yang dipersetujui dan tidak menukar tawaran tersebut tanpa memaklumkan kepada fakulti.

Semasa latihan industri:

- a. Melaporkan diri di organisasi/industri pada tarikh yang dimaklumkan;
- b. Menjalani program latihan industri dengan bersungguh-sungguh;
- c. Mematuhi segala arahan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh organisasi/industri yang menawarkan latihan industry;
- d. Menjaga nama baik KUIS;
- e. Menghubungi penyelia fakulti atau penyelia organisasi (sekiranya perlu);
- f. Merekod aktiviti harian dalam buku laporan kemajuan latihan industri.

Selepas latihan industri:

- a. Memastikan supaya penyelia di organisasi/industri melengkapkan laporan penilaian latihan industri dan diserahkan kepada penyelia di fakulti;
- b. menghantar laporan akhir industri kepada penyelarasan latihan industri fakulti.

12.5. Pembantu Pejabat Fakulti yang ditugaskan membantu perjalanan latihan industri bertanggungjawab untuk;

- a. Bertindak sebagai urusetia kepada penyelia latihan industri di fakulti;
- b. Mengeluarkan surat-surat rasmi berkaitan urusan latihan



industri; Contohnya: borang pra-pendaftaran latihan industri, surat pengesahan pelajar, surat lantikan penyelia fakulti, borang penerimaan dari industri, borang menerima/menolak tawaran industri, borang lapor diri ke industri, borang penilaian pelajar dan borang penilaian organisasi/industri;

- c. Memasukkan markah latihan industri ke dalam sistem.

### 13. Lantikan Pensyarah Luar

13.1. Penyeliaan oleh Pensyarah luar yang bersesuaian/menjurus kepada bidang kepentingan seperti berikut:

- a. Lantikan Pensyarah luar untuk penyeliaan pelajar yang menjalani Latihan Industri KUIS di luar kawasan melebihi jarak 200km dari KUIS;
- b. Pertimbangan Pensyarah luar untuk penyeliaan pelajar yang menjalani Latihan Industri di daerah/negeri masing-masing atas keperluan mendapatkan Lesen Tauliah Peguam Syariah dan Praktikum di sekolah asal (majikan) bagi pelajar separuh masa Diploma Pendidikan, Fakulti Pendidikan;
- c. Lain-lain sub-klausa yang bersesuaian.

13.2. Dalam hal ini, KUIS akan mempertimbangkan kos penyeliaan harian berdasarkan jam penyeliaan untuk kesemua pelajar bagi setiap lokasi/kawasan. Pembayaran kos penyeliaan Pensyarah luar tersebut berdasarkan Pekeliling Pejabat Bendahari Bil. 01/2010 bertarikh 20 September 2010 atau mana-mana pekeliling berkaitan terpinda yang berkaitan dan berkuatkuasa.

13.3. Jika sekiranya penyeliaan daripada pensyarah dalaman KUIS adalah lebih menjimatkan kos penyeliaan, maka KUIS berhak mempertimbangkan pelantikan penyelia daripada pensyarah dalaman KUIS.

### 14. Penilaian

14.1. Penilaian latihan industri bertujuan mengukur prestasi kerja pelajar dan perkembangan kemahiran generik mereka. Fakulti boleh memilih kaedah penilaian bersesuaian dengan bidang pengajian dan objektif yang hendak dicapai. Antara kaedah penilaian yang digunakan adalah:

- a. Laporan penilaian penyelia organisasi/industri.

- b. Laporan penilaian penyelia fakulti.
  - c. Laporan akhir latihan industri oleh pelajar.
  - d. Buku log/kehadiran.
- 14.2. Pelajar perlu menyelesaikan semua aspek penilaian yang ditetapkan oleh fakulti. Syarat utama untuk lulus latihan industri adalah pelajar mesti menyempurnakan tempoh latihan industri yang ditetapkan oleh fakulti berkenaan dan menyiapkan laporan dan lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh pihak fakulti sebagai syarat lulus latihan industri. Pelajar akan diberikan gred A hingga F untuk latihan industri.
15. Pemberian Kredit
- 15.1. Bilangan jam kredit yang diberi adalah bergantung pada program di fakulti masing- masing. Bagaimanapun, jam kredit tersebut adalah tidak kurang daripada dua (2) jam kredit dan tidak lebih daripada dua belas (12) jam kredit.
16. Tatatertib Semasa Menjalani Latihan Industri
- 16.1. Sepanjang menjalani tempoh latihan industri, pelajar tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009); Akta KUIS; dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Pelajar juga dikehendaki mematuhi peraturan berikut semasa menjalani program latihan industri:
- a. Mematuhi masa bekerja dan segala peraturan di organisasi sama seperti kakitangan yang lain;
  - b. Tidak mengambil cuti sepanjang masa menjalani latihan industri kecuali dengan kelulusan organisasi berkaitan; dan pemakluman bertulis kepada pihak fakulti dalam tempoh seminggu sebelum pelajar bercuti;
  - c. Menghubungi pihak organisasi dengan segera sekiranya tidak dapat hadir kerana kecemasan atau cuti sakit;
  - d. Menghubungi pihak organisasi sekiranya terpaksa sampai lewat kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan;
  - e. Tidak membocorkan rahsia atau memberi maklumat sulit organisasi kepada mana-mana pihak semasa menjalankan latihan industri ataupun sesudahnya;
  - f. Menggunakan sebarang harta kepunyaan organisasi dengan baik;

- g. Sentiasa berpakaian kemas sesuai dengan keadaan dan peraturan pemakaian di tempat latihan industri;
- h. Hendaklah sentiasa berpakaian mengikut kehendak syariat.

## 17. Cuti

- 17.1. Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti sewaktu menjalani latihan industri kecuali dengan kelulusan organisasi yang berkaitan dan pemakluman bertulis kepada pihak fakulti dalam tempoh seminggu sebelum tarikh bercuti.
- 17.2. Pelajar yang tidak dapat menghadiri latihan industri bagi tempoh lebih daripada enam (6) hari perlu :
  - a. Memanjangkan tempoh latihan industri jika mempunyai alasan yang munasabah.
  - b. Mengulang latihan industri jika tidak mempunyai alasan yang munasabah.

## 18. Penutup

- 18.1. KUIS berhak mengubah dasar ini dari masa ke semasa. Dasar ini juga perlu disemak dalam tempoh lima (5) tahun sekali bagi mengambilkira keperluan semasa dan kehendak pihak-pihak berkepentingan.

Kelulusan Pindaan Dan Penguatkuasaan :  
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bil.1/2016  
bertarikh 20 Januari 2016

## STRUKTUR ORGANISASI LATIHAN INDUSTRI KUIS

